

19/09/1997

PM nasihat pakai topeng

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menasihatkan orang ramai memakai topeng untuk menjaga kesihatan berikutan keadaan jerebu yang teruk di seluruh negara.

Menurut Perdana Menteri, walaupun banyak usaha dijalankan untuk mengurangkan jerebu termasuk membuat pembenihan awan tidak mendatangkan kesan kerana ruang udara berjerebu semula selepas hujan.

Berikutan keadaan jerebu yang teruk di ibu kota, beliau adalah antara orang yang memakai topeng ketika melancarkan Kempen Keselamatan Penunggang Motosikal 1997-1999 di Dataran Merdeka, di sini hari ini.

"Kenapa saya pakai topeng pada hari ini ... sebabnya ialah jerebu.

"Untuk menjaga kesihatan, kita semua patut pakai topeng dan bukanlah kerana saya nak sembunyi diri saya di belakang topeng yang saya pakai ini.

"Saya harap seberapa ramai daripada rakyat kita di Malaysia yang menghadapi masalah jerebu ini akan memakai topeng untuk menjaga kesihatan," katanya.

Bercakap selepas itu, Dr Mahathir mengarahkan syarikat Malaysia yang dikatakan terbabit dalam pembakaran hutan di Indonesia supaya memadamkan segera kebakaran itu.

Beliau menegaskan, sebagai pihak yang bertanggungjawab di kawasan terbabit, mereka perlu melakukan apa sahaja usaha memadamkan kebakaran itu.

"Saya harap syarikat Malaysia yang dikatakan menyebabkan kebakaran di Indonesia mengambil tindakan sekarang juga untuk pergi ke sana dan mencari jalan memadamkan api dengan mungkin menggunakan pembenihan awan, air atau menggerakkan orang untuk memadamnya.

"Mereka tak boleh duduk diam dengan menyatakan ini duduk (berlaku) di Indonesia.

"(Walaupun) kata pekerja Indonesia yang buat tetapi kita bertanggungjawab kerana (ladang) milik kita," katanya.

Semalam, Ketua Pengarah Bahagian Pencegahan dan Perkhidmatan Perhutanan Indonesia, Soemarsono mendedahkan sekurang-kurangnya dua syarikat Malaysia adalah antara 175 syarikat yang bertanggungjawab melakukan pembakaran hutan di Indonesia sehingga menyebabkan jerebu teruk.

Perdana Menteri berkata, Malaysia yakin kerjasama rapat dengan Indonesia akan dapat menangani masalah jerebu pada masa akan datang.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada Presiden Suharto kerana pendirian tegas untuk menangani punca jerebu terutama kebakaran hutan di negara itu.

"Kalau tidak ada kerjasama daripada Indonesia, tentu sukar. Indonesia mengakui bahawa masalahnya di sana walaupun di sini ada juga masalah.

"Jadi, jika ada kerjasama, saya yakin tahun depan sekurang-kurangnya kita dapat mengesan lebih awal di mana terdapat kebakaran dan kita mengambil tindakan kerana apabila ia sudah meluas sehingga beribu-ribu hektar maka memadam api bukanlah tugas mudah lagi," katanya.

(END)